

Bas bawa pelajar UPSI terbabas

oleh NOOR AINON MOHAMED 09 November 2022 09:20pm Masa membaca: 1 minit



Pasukan bomba menjalankan operasi mengeluarkan mangsa yang tersepit dalam bas terbabat. - Foto ihsan pembaca

TANJUNG MALIM - Seramai 10 pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dilaporkan cedera selepas bas dinaiki mereka terbabas di Jalan Slim Lama berhampiran Kota Malim Prima di sini pada Rabu.

Dalam kejadian sekitar jam 7 petang itu, bas berkenaan dipercayai dalam perjalanan pulang ke asrama.

Difahamkan, pemandu bas yang tersepit di tempat duduknya telah berjaya dibawa keluar oleh pasukan bomba.

Kejadian itu bagaimanapun tidak melibatkan sebarang kemalangan jiwa.



Seramai 11 individu termasuk 10 pelajar UPSI dilaporkan cedera selepas bas dinaiki mereka terbabas di Tanjung Malim. - Foto ihsan pembaca

Ketua Polis Daerah Muallim, Superintendan Mohd Hasni Mohd Nasir berkata, maklumat awal diterima pada jam 7.03 petang membabitkan sebuah bas terbabas sendiri.

"Siasatan awal mendapati terdapat 60 penumpang terdiri daripada pelajar UPSI yang mana 11 orang termasuk pemandu mengalami kecederaan ringan.

"Kesemua mereka dibawa ke Hospital Slim River untuk rawatan. Siasatan sedang dijalankan bagi mengenal pasti punca kejadian," katanya.